

DATE : 09 OCT 2024
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BISNES
HEADLINE : DAGANGAN SAHAM KHPT BERMULA CEMERLANG
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 60 CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : N/A

Dagangan saham KHPT bermula cemerlang

Pengeluar dan pembekal alat ganti automotif tempatan, KHPT Holdings Bhd (KHPT) membuat penampilan sulung di Pasaran ACE Bursa Malaysia pada 29 sen, premium sembilan sen melebihi harga tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak 20 sen, dengan 15.02 juta saham diniagakan.

Menerusi terbitan awam sebanyak 108,644,300 saham biasa baharu, syarikat itu berjaya mengumpulkan RM21.73 juta.

Syarikat itu akan mengutamakan pasaran tempatan, didorong oleh prospek industri yang optimis dan jangkaan kepada pengenalan beberapa model kereta baharu.

Pengarah Urusan Kumpulan KHPT, Datin Eloise See, menekankan komitmen syarikat itu terhadap peluang tempatan, dengan mengambil kira kemasukan model asing ke Malaysia.

"Kami turut berharap untuk menyaksikan lebih banyak syarikat menubuhkan kilang bagi pengeluaran pemasangan tempatan



See (lima dari kanan) pada majlis penyenaraian KHPT di Pasaran ACE Bursa Malaysia, semalam. (Foto ihsan KHPT)

(CKD) yang lengkap atau penyelesaian kenderaan di Malaysia," katanya pada sidang media selepas majlis penyenaraian syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, See berkata KHPT sedang giat menggunakan pakai amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) sebagai antara

strategi untuk menjalin perkongsian dan mengembangkan perniagaan pada masa hadapan.

Beliau menekankan mengenai pelaksanaan langkah ESG syarikat yang berterusan, termasuk pengurangan ketara dari segi penggunaan tenaga semasa proses pembuatannya dengan menaik ta-

raf kepada motor servo yang lebih cekap tenaga.

"Selain itu, kami telah melanggan perkhidmatan perisian perakauan dan pengurusan karbon untuk mengumpul dan menganalisis laporan pelepasan karbon kami melalui platform Pantas Climate Solution (Pantas)," katanya. BERNAMA